

# Projek mega baharu perlu angkat budaya, tamadun dan teknologi

Pelaksanaan pembangunan tak boleh sekadar ciplak idea luar negara, mesti santuni rakyat

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Pelaksanaan pembangunan projek mega yang baharu di Malaysia kini perlu mengangkat budaya, tamadun dan teknologi terkini untuk negara dan rakyat keseluruhannya, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam kehairan mengejar pembangunan, kadangkala pemaju hanya meniplak idea luar negara meskipun mengetahui suasana dan persekitarannya tidak serasi dari sudut cuaca, nilai masyarakat dan budaya setempat.

"Sebab itu pembangunan kita yang baharu ini memikirkan soal itu (nilai masyarakat dan budaya) dan juga soal rakyat.

"Ada gedung besar, projek megah yang sama sekali tidak ada manfaat langsung (kepada

rakyat), selain daripada berasa kagum, kita tak boleh pertahan-kan lagi konsep pembangunan sedemikian.

"Negara MADANI itu harus sentiasa prihatin dan menyantuni rakyat, kalau tidak MADANI itu tidak lebih sekadar slogan. Maka, harus difikirkan apakah ciri-ciri yang boleh mengangkat budaya, tamadun, teknologi baharu negara dan rakyat keseluruhannya," katanya.

Perdana Menteri berucap demikian ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Ipoh Sentral, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

## Hab pengangkutan moden

Projek Ipoh Sentral yang bakal mengubah Bandaraya Ipoh menjadi hab pengangkutan moden, mampan dan mempunyai keterhubungan efisien dibangunkan dengan nilai nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan RM6.25 bilion.

Pembangunan kawasan seluas kira-kira 27 hektar itu dijangka mengambil masa sehingga 20 tahun bermula tahun ini, hasil kerjasama Country Anne-xe Sdn Bhd (CASB) iaitu anak syarikat Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) bersama Ipoh Sentral Sdn Bhd (ISSB). Konsep utama pembangunan



Anwar mendengar taklimat daripada Pengarah Urusan Kumpulan MRCB, Datuk Imran Salim pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan Ipoh Sentral di Ipoh, semalam. Turut hadir, Saarani dan Loke. (Foto BERNAMA)

itu antaranya adalah menjadi hab transit bercampur yang bertenaga dengan mengintegrasikan ruang kediaman, komersial dan awam untuk memupuk persekitaran bandar yang lestari, selain meningkatkan kesalinghubungan sambil mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui perancangan pengangkutan yang cekap.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Loke berkata, projek bersebelahan Stesen Keretapi Ipoh itu adalah antara pendekatan utama Perbadanan Aset Kere-

tapi (RAC) dalam memajukan tanahnya kepada pembangunan bernilai tinggi serta memberi impak positif kepada komuniti setempat.

"Ia akan menjadi hab pengangkutan moden yang menghubungkan pelbagai mod perjalanan di samping penyediaan pusat perniagaan dan komersial serta perumahan yang sudah tentu akan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Konsep pembangunan ini selaras aspirasi Malaysia MADANI dan Rancangan Induk

Pengangkutan Negara, serta menyokong hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menjadikan TOD sebagai pemacu utama pertumbuhan bandar," katanya.

Beliau berkata, pembangunan Ipoh Sentral dilaksanakan dalam dua fasa dengan Fasa 1 membabitkan pemeliharaan kawasan hijau seluas 2.5 hektar, termasuk penambahbaikan landskap serta taman rekreasi; manakala Fasa 2 membabitkan pembangunan bercampur di kawasan seluas 24.4 hektar.